

SERANGAN IDEOLOGI MODEN: REALITI UMAT ISLAM MASA KINI

Oleh:
Muhammad Nasron b. Yaacob¹

ABSTRAK

Umat Islam hari ini berdepan dengan serangan ideologi moden yang dicetuskan oleh Barat yang mahu menjauhkan mereka daripada ajaran dan pemahaman Islam yang sebenar. Realiti yang mendukacitakan ialah ramai dikalangan umat Islam yang tidak peka dan sedar dengan hal ini. Kajian yang dilakukan ini bertujuan mengenal pasti realiti kewujudan serangan ideologi moden, kaedah serangan dan pengaruhnya terhadap umat Islam hari ini. Kajian ini adalah kajian perpustakaan. Kaedah pengumpulan data adalah menerusi metode penyelidikan perpustakaan, dokumentasi dan pensejarahan. Dalam penganalisaan data, metode induktif, deduktif dan komparatif telah digunakan untuk mencapai dapatan kajian yang tepat. Hasil kajian ini mendapati bahawa ideologi moden ini adalah suatu serangan pemikiran yang dicipta oleh Barat, yang ditujukan kepada umat Islam menggunakan kaedah menyebarkan pengaruh melalui modenisasi dan globalisasi, sehingga berjaya mempengaruhi pemikiran dan cara hidup sebilangan besar umat Islam hari ini. Dengan cara ini umat Islam akan sentiasa diperintah dan dikuasai oleh Barat dan tidak mampu lagi memimpin dunia seperti umat Islam yang terdahulu.

Kata kunci: Serangan, Ideologi Moden, Realiti Umat Islam

PENDAHULUAN

Serangan ialah perbuatan menyerang iaitu melanggar, menyerbu, merosakkan dan seumpamanya.² Ideologi bermaksud fahaman yang

¹ Muhammad Nasron b. Yaacob (Ph.D), pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu.

dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan lain-lain.³ Ideologi berasal dari bahasa Greek yang terdiri dari dua perkataan iaitu *idea* dan *logos*. *Idea* bererti buah fikiran, dan *logos* pula bermaksud kaedah. Ideologi moden bermaksud fahaman-fahaman yang baru lahir terutama semasa zaman *renaissance* di Eropah bermula kurun ke-14 dan berada di kemuncak pada kurun ke-18 dan 19.⁴ Fahaman-fahaman baru tersebut adalah seperti humanisme, liberalisme, sekularisme, nasionalisme dan lain-lain lagi.

Realiti umat Islam masa kini; bermaksud hakikat dan bentuk pemikiran yang menjangkiti dan mempengaruhi umat Islam pada hari ini. Petanda jangkitan ideologi moden ini ialah sosiobudaya umat Islam yang menyerupai Barat dan jauh dari semangat agama. Selain itu, ajaran agama sendiri tidak dipedulikan dan dianggap tidak sesuai dengan gaya hidup hari ini. Lebih malang lagi apabila umat Islam sudah hilang sensitiviti mereka dalam menjaga kemuliaan dan kehormatan agama sendiri.

SEJARAH IDEOLOGI MODEN

Kelahiran ideologi moden sangat berkait rapat dengan zaman *renaissance* selepas sekian lama Eropah berada dalam zaman kegelapan (*Dark Age*). Keistimewaan zaman *renaissance* ialah memberi lebih peluang kebebasan bagi individu dari segi agama, penulisan, kebudayaan serta kesedaran dan pencapaian yang cemerlang dalam sastera dan sains.⁵ Dengan kebebasan tanpa pertimbangan dari sudut agama, akal fikiran telah memainkan peranan sebebas-bebasnya sehingga lahirlah ideologi-ideologi moden yang menggantikan agama sebagai penentu hala tuju kehidupan.

Sepanjang perjalanan sejarahnya, Eropah telah mengalami tiga zaman iaitu zaman klasik (*The Classical Period*) yang berlaku sebelum abad ke-5, kemudian zaman pertengahan (abad ke-5 sehingga abad ke-17), dan zaman moden (abad ke-18 sehingga kini). Zaman pertengahan mengandungi zaman kegelapan (*The Dark Ages*) yang diselangi dengan

² Noresah Baharom Ed. (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1255.

³ *Ibid.*, h. 476.

⁴ Sulaiman Noordin Ed. (2001), *Sains Menurut Perspektif Islam*, c. 13, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 18.

⁵ *Ibid.*

zaman *renaissance* dan zaman pencerahan (*The Age of Enlightenment*), sebelum memasuki zaman moden.⁶

DARK AGE

Zaman *Dark Age* merupakan suatu tempoh masa di mana akal dan pemikiran dipengaruhi oleh gereja. Masyarakat Eropah sangat bergantung harap kepada gereja untuk memimpin mereka terutama ketika berdepan dengan pengaruh tamadun Islam pada waktu ini. Kepercayaan yang diberi kepada gereja inilah yang meletakkan Eropah berada dalam zaman kegelapan kerana gereja gagal menjalankan peranannya sebagaimana yang diharapkan. Malah gereja sendiri melakukan kesalahan berikut:

1. Gereja Katolik Rom mendakwa paderi-paderi gereja adalah perantara di antara penganut Kristian dengan Tuhan. Umpamanya meminta keselamatan (*salvation*) dan pengampunan dari dosa hanya boleh dibuat melalui cara pengakuan (*confession*) kepada seorang paderi (*priest*). Setelah paderi mendengar dan menyoal untuk mendapatkan penjelasan, barulah pengampunan diberikan. Pihak gereja juga menjual sijil pengampunan untuk menempah syurga bagi sesiapa yang membuat bayaran yang tinggi.⁷
2. Ilmu dan sains dianggap musuh bagi agama. Oleh itu mempelajari ilmu dan sains adalah haram menurut gereja dan perlu dikenakan hukuman yang berat termasuklah hukuman mati. Sikap gereja ini sebenarnya dipengaruhi oleh dua sentimen berikut:
 - a. Ilmu dan sains datangnya daripada universiti-universiti Islam di Andalus (Sepanyol).
 - b. Para pelajar Eropah yang menginginkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan, matematik, astronomi, kimia, fizik, geografi dan lain-lain hanya boleh belajar di universiti Islam di Andalus sahaja.

Apabila mereka kembali ke Eropah bermakna mereka membawa balik ilmu orang-orang Islam dan bertutur dalam bahasa Arab. Hal ini akan menjatuhkan kredibiliti gereja di mata masyarakat Eropah. Oleh itu gereja menghukumkan bahawa ilmu dan sains adalah musuh agama.

⁶ *Ibid.*, h. 19.

⁷ Sulaiman Noordin Ed. (1998), *Islam, al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, c. 8, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 216.

⁸ *Ibid.*, h. 217.

Seramai 340,000 orang telah dihukum mati dan hampir 32,000 orang telah dibakar hidup-hidup hasil dari keputusan mahkamah yang ditubuhkan bagi menghakimi kesalahan mempraktikkan ilmu dan melawan gereja. Antara pesalahnya ialah Jurdano Bruno yang mengajar bahawa selain bumi masih ada planet-planet yang lain, dan Galileo yang mengajar bahawa planet bumi sebenarnya mengelilingi matahari, dan De Romans yang mengatakan bahawa pelangi bukan busur panah Tuhan tetapi suatu tindak balas cahaya matahari dengan titisan air di udara.⁹

RENAISSANCE

Secara etimologi, *renaissance* bererti “kelahiran kembali” atau “kebangkitan kembali”. *Renaissance* sebenarnya berasal dari bahasa perancis; “*re*” (lagi, kembali) dan “*naissance*” (kelahiran). Dalam bahasa latin (Itali), istilah *renaissance* berasal dari kata “*nascentia*”, “*nascor*”, atau “*natus*” yang sama erti dengan kelahiran, lahir atau dilahirkan. Ia merupakan pencerahan kembali dan kesedaran baru terhadap manusia selepas sekian lama dibelenggu oleh ajaran gereja dan sistem feudal yang sedia ada.

Pemodenan Eropah melalui *renaissance* adalah bersumberkan kemajuan ilmu yang dibina oleh umat Islam di Sepanyol. Gustave Le Bon (1841-1931) menyatakan dan menegaskan bahawa jika umat Islam berjaya sampai ke Perancis seperti Sepanyol, tentunya Paris akan menjadi pusat perkembangan ilmu sebagaimana Granada di Sepanyol.¹⁰ Antara tokoh yang mengemudi *renaissance* Eropah ialah Leonardo Da Vinci yang terkenal sebagai pelukis, pemuzik dan ahli falsafah serta jurutera. Michelangelo merupakan tokoh seni, arkitek, jurutera, penyair dan ahli anatomi. Copernicus dan Galileo sebagai tokoh sains. Tartaglia orang pertama yang menggunakan konsep matematik dalam ketenteraan iaitu mengukur tembakan peluru mariam. Cardan terlibat dalam penghasilan ilmu algebra. Tokoh perubatan seperti William Harvey yang telah memberi sumbangan dalam kajian peredaran darah.

Hakikatnya, semangat *renaissance* masyarakat Eropah untuk menjadi manusia baru telah melahirkan humanisme, iaitu faham yang

⁹ Shawqī Abū Khalīl (1994), *al-Hadārah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah wa Mujt̄iz 'an al-Hadārāt al-Sābiqah*, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu'āşir, h. 450.

¹⁰ *Ibid.*

mengutamakan nilai-nilai, kepentingan dan maruah manusia.¹¹ Ia bermaksud manusia hanya perlu percaya kepada dirinya sendiri dan tidak perlu lagi percaya kepada agama dan Tuhan.¹² Selain itu, fahaman-fahaman lain juga muncul dalam zaman *renaissance* ini iaitu sekularisme, liberalisme, nasionalisme, agnotisme, skeptisme, materialisme, rasionalisme, empirisme dan seumpamanya. Semua fahaman ini walaupun disebut dalam banyak nama yang berbeza, tetapi berada dalam satu kotak fikiran iaitu membelakangkan Tuhan dan agama.

Pemikiran dan falsafah Barat dan Eropah adalah berteraskan pemikiran dan falsafah Yunani yang bersifat materialistik. Orang Yunani melihat tuhan dalam bentuk dan rupa sifat yang tergambar dalam berbagai corak dan warna secara fizikal dan rasionalistik tanpa menekankan unsur spiritual dan mistik. Kristian yang mendapat tempat pada peringkat awal di Eropah, akhirnya ditolak melalui faham sekular dengan kemuncaknya ialah berlaku reformasi agama oleh Martin Luther (1483-1546) sehingga membentuk mazhab baru Kristian iaitu Protestant. Kedatangan *renaissance* berserta perkembangan sains yang pesat semakin membelakangkan peranan agama dalam masyarakat Kristian Eropah.¹³

RENAISSANCE MEMBENTUK ZAMAN MODEN

Zaman *renaissance* telah membawa perubahan besar kepada perkembangan tamadun moden Eropah yang dapat disaksikan kesannya seperti berikut:

1. Lahir aliran pemikiran dan fahaman moden yang berdasarkan kebebasan akal seperti humanisme, liberalisme, rasionalisme, empirisme, nasionalisme dan seumpamanya yang berani mempersoalkan kepercayaan dan cara pemikiran lama yang diamalkan selama ini yang secara langsung melemahkan kekuasaan golongan feudal.
2. *Renaissance* telah membentuk masyarakat perdagangan yang berdaya maju. Keadaan ini telah melemahkan kedudukan dan kekuasaan golongan feudal yang sentiasa berusaha menyekat perkembangan ilmu dan kebebasan ekonomi masyarakat Eropah.

¹¹ Noresah Baharom Ed. (2000), *op. cit.*, h. 470.

¹² Sulaiman Noordin Ed. (1998), *op. cit.*, h. 202.

¹³ *Ibid.*, h. 186.

3. Melahirkan tokoh-tokoh ilmu dan sains seperti Leonardo Da Vinci, Michelangelo merupakan tokoh seni, arkitek, jurutera, penyair dan ahli anatomi, Copernicus, Galileo dan lain-lain lagi.
4. *Renaissance* telah melahirkan masyarakat yang lebih progresif sehingga membawa kepada aktiviti penjelajahan dan penerokaan.
5. Membina peradaban Barat yang berpengaruh dan menguasai dunia.

UMAT ISLAM DALAM ABAD PERTENGAHAN

Dalam abad pertengahan yang menyaksikan umat Eropah berada dalam kegelapan, umat Islam sudah memulakan sejarah pemodenan tamadun manusia yang sangat cemerlang. Dari aspek perkembangan ilmu-ilmu baru seperti ilmu sains, ia bermula dengan gerakan penterjemahan buku-buku tersebut ke bahasa Arab. Khālid b. Yazīd b. Mu‘āwiyah (-85H/704) adalah orang pertama yang memulakan gerakan penterjemahan ini pada zaman Kerajaan Umawiyah. Beliau yang gagal mendapat tempat sebagai khalifah dalam Kerajaan Umawiyah telah berubah minat kepada ilmu sains, dengan mempelajari ilmu kimia daripada Marianus al-Iskandarani. Marianus kemudiannya diminta menterjemahkan buku-buku kimia ke bahasa Arab. Semasa pemerintahan ‘Abd al-Malik, buku pertama dalam ilmu perubatan iaitu “Ensiklopedia Perubatan” oleh Ahrun b. ‘Abah al-Iskandarī telah berjaya diterjemahkan ke bahasa Arab.¹⁴

Dalam Kerajaan ‘Abbāsiyyah, gerakan penterjemahan sudah mendapat tempatnya sejak zaman Abū Ja‘far al-Mansūr (-158H/775) lagi, dan ia diletak di bawah penajaan kerajaan. Zaman pemerintahan Hārūn al-Rashīd pula memastikan aktiviti penterjemahan menjadi lebih teratur, dengan melantik Yuhanā b. Masawayh sebagai pengelola *Bayt al-Hikmah*. Ketika al-Ma’mūn mencapai kemenangan ke atas maharaja Rom Theophilus pada tahun 215H/830M, beliau memohon mendapatkan semua buku-buku Yunani yang pernah disembunyikan dalam stor bawah tanah ketika tersebarnya agama Kristian pada waktu itu sebagai bayaran kemenangannya. Theophilus menyambut baik dan bersetuju dengan permintaan al-Ma’mūn. Antara penterjemah masyhur waktu itu ialah Hunayn b. Ishāq, Thābit b. Qurrah dan al-Hajjāj b. Matar.¹⁵

¹⁴ Shawqī Abū Khalīl (1994), *op. cit.*, h. 443.

¹⁵ *Ibid.*, h. 444.

Perkembangan ilmu dan sains menjadi lebih baik selepas itu. Antara tokoh cendekiawan Muslim yang tersohor ialah:¹⁶

- Jābir b. Ḥayyān (721-815) seorang ahli kimia yang terkenal. Diantara jasanya dalam bidang kimia ialah menemui campuran kimia antara pelbagai bahan seperti *arsenic* (*al-zirnikh*), *antimoni* (*al-itsmid*), campuran baja (*al-fuladz*), penggunaan oksigen dalam pembuatan kaca, *ammonium klorida* (*milh al-nasyadir*), *alkaline* (*al-qalawiyat*) dan lain-lain. Buku yang berjaya ditulis ialah *Šinā'at al-Kimiya'* dan *al-Sabi'īn*.
- Muḥammad b. Musa al-Khawarizmī (780-848) seorang tokoh dalam bidang matematik, astronomi dan geografi. Para ilmuan Eropah mengenali namanya sebagai *Algorismus*, dan dari situ lahir istilah *algorism* (logaritma). Beliau juga merupakan pengasas ilmu algebra yang diambil dari tajuk bukunya; *al-Jabar*. Peradaban Barat banyak mengambil manfaat dari ilmu kajian al-Khawarizmī ini yang sangat dikenali di zaman pemerintahan al-Ma'mūn al-Abbāsiyyah.
- 'Abbās b. Firnas (887). Semasa kepesatan penterjemahan buku-buku falsafah Yunani ke bahasa Arab, lahir Ibn Firnas yang membesar dalam suasana ilmiah ini di Andalus. Penumpuan ilmiahnya ialah dalam bidang matematik dan fizik. Beliau pernah membuat teropong bintang yang memiliki tujuh lubang yang sama seperti *starlab*. Beliau juga pernah membuat alat penunjuk waktu yang dikenal dengan nama *al-Minqalah* untuk mengetahui waktu malam dan siang tanpa tulisan dan gambar. Ibn Firnas merupakan saintis pertama menemui kaedah pembuatan kaca daripada batu, dan orang pertama sekali membuat kristal. Malah yang lebih bersejarah beliau adalah orang pertama yang berusaha untuk terbang di udara. Cara terbangnya ialah melekatkan bulu helang pada tubuhnya, dan membentuk dua sayap yang dikira boleh menerbangkannya. Beliau melompat dari tebing tinggi, terbang di angkasa beberapa ketika sebelum jatuh ke bawah dengan kadar kecederaan yang minima sahaja.
- Al-Battani (858-929) seorang ahli astronomi terkenal dari Iraq. La Lande seorang ahli astronomi Perancis dan Sarton, mengakui kepakaran al-Battani dalam bidang astronomi. Hasil kajiannya tentang astronomi direkodkan dalam buku *al-Zayj* (katalog daftar planet) yang diakui sangat cermat dan teliti. Buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan Sepanyol termasuk beberapa buku lain yang dihasilkannya tetapi tidak sampai ke tangan umat Islam hari ini.

¹⁶ Lihat: *Ibid*. Lihat juga: Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, trj. Bakhruddin Fannani, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd.

- Abū al-Wafā' al-Bawzajani (940-998) seorang pakar matematik terkenal, di samping sebagai ahli astronomi yang diiktiraf ramai.
- Muḥammad b. Aḥmad al-Maqdīsī (948-1000), seorang ahli geografi yang ulung dalam sejarah manusia, dengan karyanya bertajuk *Aḥsan al-Taqāṣīm fī Ma'rifat al-Aqālīm*.
- Ibn Sina (980-1037) seorang ahli falsafah dan doktor yang tersohor dari Parsi. Beliau telah mengarang karyanya sebanyak 267 buah buku, tiga darinya yang paling tersohor; duanya di bidang falsafah iaitu *al-Isyarat wa al-Tanbihāt* dan *al-Shifā'*, manakala sebuah lagi dalam bidang kedoktoran iaitu *al-Qānūn*.
- Ibn al-Haytham (965-1039) seorang ilmuan dalam bidang fizik dan ilmu matematik. Pengaruhnya dalam teori ilmu fizik menyamai pengaruh Isac Newton dalam ilmu mekanik. Karya utama Ibn al-Haytham ialah *al-Manazir* iaitu dalam bidang optik sehingga digelar bapa optik moden, dan bukunya itu diterjemahkan ke bahasa Latin dengan judul *Opticae Thesaurus*. Kajiannya melahirkan teori-teori dalam cermin cembung dan cekung, pengambilan gambar (kamera), dan pemecahan cahaya.
- ‘Umar al-Khayyam (1038-1123) seorang ahli matematik yang berjasa mengembangkan algebra al-Khawarizmi kepada algebra moden, meskipun kemasyhurannya adalah dalam bidang syair Parsi melalui karyanya *Ruba’iyāt*.
- Al-Idrīsī (1100-1166) dari Morocco ialah orang yang menggabungkan geografi dan ilmu falak. Bukunya *Nuzhat al-Mushtaq fi Ihtiraq al-Afaq* merupakan buku geografi berbahasa Arab paling terkenal di Eropah.
- Ibn Rushd (1126-1198) seorang ahli falsafah, doktor dan ahli fikah. Antara karyanya dalam falsafah ialah *Tahāfut al-Tahāfut* dan *Faṣl al-Maqāl fī Mā Bayn al-Shari‘ah wa al-Hikmah min al-Ittiṣāl*. Karyanya dalam kedoktoran ialah *al-Kulliyāt* yang antara lain mengandungi kajian mengenai tugas jaringan dalam kelopak mata, dan teorinya pesakit cacar tidak akan menghadapi penyakit cacar buat kali kedua. Karyanya dalam fikah ialah *Bidāyat al-Mujtahid*.
- Yāqūt al-Hamawī (1179-1229) mengarang dua buah kamus besar iaitu satunya *Mu‘jam al-Udabā’* yang mengandungi maklumat tentang bahan sejarah, peradaban dunia Islam dan para pengarang besar bangsa Arab pada zamannya. Kedua ialah *Mu‘jam al-Buldān* yang dikategorikan sebagai buku geografi yang paling penting dalam sejarah manusia.
- Ibn al-Nafīs (1210-1288) seorang doktor dan penulis Arab dari Damsyik, Syria. Karya kedoktorannya ialah *al-Shāmil fī al-Ṭibb*, yang

sempat ditulis sehingga 80 jilid sahaja berbanding perancangannya 300 jilid. Dalam buku tersebut dinyatakan mengenai kajian kedoktorannya di samping ringkasan *al-Qānūn fī al-Tibb* oleh Ibn Sīnā. Selain itu bukunya yang lewat ditemui iaitu *Sharḥ Tahrīḥ al-Qānūn li Ibn Sīnā* mengandungi huraihan tentang buku *al-Qānūn* Ibn Sīnā.

- Ibn Khaldūn (1332-1406) merupakan pengasas ilmu sosiologi dan pengarang sejarah yang menulis karyanya yang tersohor iaitu *al-Muqaddimah*, yang sebenar buku pendahuluan bagi kitab besarnya iaitu *Kitāb al-'Ibar wa Dīwan al-Mubtada' wa al-Khabar fī Ayyām al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa Man 'Āsarahu min Dhawi al-Sulṭān al-Akbar*.

Senarai tokoh di atas adalah diantara tokoh ilmuan Islam yang tidak hanya mencapai kecemerlangan dalam bidang kedoktoran, fizik atau kimia sahaja. Ramai lagi tokoh ilmuan Islam sama ada dalam bidang agama atau akademik yang berjaya membuka pintu peradaban manusia untuk dikembangkan selepas zaman mereka. Ternyata pada waktu masyarakat Barat diselubungi dengan zaman kegelapan, umat Islam sudah sekian lama berada dalam kecerahan dan mencipta satu demi satu kunci peradaban untuk dimanfaatkan oleh dunia manusia yang datang selepas itu.

ZAMAN KELESUAN

Abad ke-13 merupakan abad akhir perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan umat Islam. Sejarah mencatatkan umat Islam selepas abad ke-13 mula menghadapi kekacauan yang besar sama ada kekacauan luaran atau dalaman. Kekacauan luaran adalah seperti perang yang dicetuskan oleh bangsa Mongolia pada tahun 1218 hingga 1268. Selain itu juga telah berlaku perang salib yang berlarutan lebih kurang 200 tahun bermula 1097 hingga 1292. Siri peperangan ini memberikan tekanan yang hebat pada perkembangan kebudayaan umat Islam. Kekacauan dalaman juga menimbulkan kontroversi yang berlaku sesama umat Islam. Pertelingkahan aliran dan mazhab menjadi semakin besar sehingga mereka mengikut pandangan mazhab masing-masing dan menutup ijtihad agar keretakan yang berlaku tidak semakin berleluasa.

Di antara cabaran besar yang terpaksa ditempuhi oleh umat Islam menjelang kurun ke-14 ialah:

1. Perang salib (1097-1292)

Perang salib ialah peperangan yang berlaku di antara kerajaan Islam dengan kerajaan Kristian dari sebelah Barat.¹⁷ Dalam catatan sejarah, ia berlangsung selama 200 tahun bermula 1097 hingga 1292 dengan dimulai perang salib I sehingga perang salib VII.¹⁸ Peperangan ini berakhir ketika tentera Mongol mula menyerang dan menakluki negara umat Islam di permulaan abad ke-13. Kuasa Eropah menghentikan bantuan dan sumbangan kepada gerakan perang salib di Palestin kerana melihat tugas mereka untuk memerangi umat Islam sudah diambil alih oleh tentera Mongol.¹⁹

Perang salib bermula dengan kemenangan tentera salib menewaskan tentera Islam di Palestin dan juga kejatuhan Bayt al-Maqdis ke tangan mereka pada tahun 1099. Ia bermula dengan seruan perang suci yang diisyiharkan oleh Pope Urban II²⁰ berdasarkan tema membebaskan Bayt al-Maqdis dan umat Kristian daripada pemerintahan Islam. Namun perang salib selepas itu menyaksikan kemenangan demi kemenangan telah berjaya dicapai oleh tentera Islam di bawah kepimpinan Nūr al-Dīn al-Zinkī sehinggalah Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī.

Walaupun tentera salib tewas, namun ia secara tersiratnya telah memberikan impak positif kepada peradaban Eropah dengan beberapa manfaat berikut:

i. Memanfaatkan kebudayaan Islam

¹⁷ Salib ialah kayu palang atau tanda silang (dua batang kayu yang bersilang) yang ditanda pada pakaian tentera salib di bahagian hadapan dan belakang pakaian mereka bertujuan membangkitkan emosi dan semangat agama, serta membezakan mereka daripada tentera lain. Salib merujuk pada bahasa Arab (صلیب), *crusade* dalam bahasa Inggeris, *croisade* dalam bahasa Perancis, *crociata* dalam bahasa Itali, dan *croziada* dalam bahasa Portugis. Lihat: Mohd Roslan Mohd Nor dan Nor Shakila Mohd Noor (2012), Perang Salib Dan Kejayaan Salahuddin al-Ayubi Mengembalikan Islamic jerusalem Kepada Umat Islam, dalam: *Jurnal Al-Tamaddun*, bl. 7 (1), Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Universiti Malaya, h. 63.

¹⁸ Ahmad Shalabī (1999), *Mawsū'at al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Haḍārah al-Islāmiyyah*, c. 9, j. 5, al-Qāhirah: Maktabat al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 715.

¹⁹ *Ibid.*, h. 784.

²⁰ Nama sebenarnya ialah Otho de Lagery dan dilantik menjadi Pope pada 12 Mac 1088 sehingga akhir usianya pada 29 Julai 1099. Terletusnya perang salib pada 1095 selepas Kerajaan Byzantine meminta bantuan ketenteraan daripada Pope Urban II. Lihat: Mohd Farid Ashraf Aziz, Mohd Saaban Abbas, Kamarul Azmi Jasmi (2012), Kemuncak Dalam Tamadun Islam, dalam: *Prosiding Seminar Tamadun 2012*, Marbawy Hall Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, pada 21 April 2012, h. 321.

Eropah memanfaatkan kebudayaan umat Islam sama ada melalui pertemuan damai seperti di Sicily (selatan Itali) dan Sepanyol, atau di Syria semasa berlaku peperangan salib. Kecemerlangan tamadun yang dibina oleh umat Islam jauh mengatasi tamadun Barat dan berjaya dimanfaatkan oleh Eropah sebaik mungkin. Berpandukan tamadun umat Islam secara langsung telah menghidup dan memajukan peradaban ilmu Yunani juga telah membawa perubahan dunia yang sangat besar, walaupun sebelum ini berada terbiar beku dalam kongkongan Rom dan Barat.²¹

ii. Merubah persepsi Barat terhadap umat Islam

Sebelum perang salib, orang-orang Barat hanya mengenali umat Islam dan agama Islam melalui cerita-cerita daripada para paderi dan gereja sahaja. Semasa perang salib, mereka mula berdepan dengan umat Islam dan dapat mengenali dengan lebih tepat pendirian dan sikap umat Islam yang sebenar. Ternyata cerita yang didengari daripada para pendeta adalah tidak benar, maka sejak itu mereka mula membuat pertimbangan sendiri tentang umat Islam biarpun sikap permusuhan masih kekal.²²

iii. Kemajuan perdagangan

Sebagaimana pertemuan kebudayaan di antara Barat dan Timur berlangsung di Syria semasa perang salib, begitu juga bidang perdagangan rancak berlangsung di lokasi yang sama. Perdagangan tanpa dibelenggu kapitalis sebagaimana adatnya di Eropah,²³ telah mengajarkan mereka perdagangan bebas umat Islam dan membolehkan mereka mengambil manfaat berguna dan mengubah persepsi terhadap kebebasan diri dalam semua aspek hidup.²⁴

iv. Perubahan strategi peperangan

Barat mula melahirkan idea orientalisme dan kristianisasi di Barat, sebagai suatu strategi dan taktik baru selepas kegagalan tentera salib menumpaskan tentera Islam secara ketenteraan dalam medan perang. Melalui penubuhan akademi dan pusat kajian orientalis sekitar tahun 1276 di Mirama, Paris dan Lovan, mereka memfokuskan pengkajian tentang bahasa Arab dan pemikiran Islam bagi tujuan memahami lebih mendalam

²¹ Ahmad Shalabī (1999), *op. cit.*, h. 796.

²² *Ibid.*, h. 797.

²³ Sistem perhambaan di Barat beransur hilang kerana keterlibatan seseorang hamba dalam perang salib memberinya peluang bebas dan tidak terikat dengan perhambaan lagi. Ini melahirkan dimensi persepsi baru dalam kalangan masyarakat Eropah. Lihat: *Ibid.*, h. 802.

²⁴ *Ibid.*, h. 797.

pemikiran dan kebudayaan umat Islam di samping mencari kelemahan yang ada untuk mengalahkan umat Islam melalui serangan budaya dan pemikiran. Kristianisasi pula menubuhkan sekolah-sekolah Fransiscan dan Domenian di Syria pada awal kurun 13 serta mempelajari bahasa Arab dan pengajian Islam bagi tujuan yang sama dengan orientalisme.²⁵

Demikianlah beberapa kesan yang terhasil dari perang salib selama lebih kurang 200 tahun. Perang salib tidak terhenti setakat tempoh masa 200 tahun itu semata-mata, bahkan ia berterusan pada zaman selepas itu. Contohnya perang salib yang berlangsung pada zaman kerajaan Uthmaniyyah pimpinan Bayazid. Keberlangsungan perang salib ini kerana keimbangan Barat dengan perluasan empayar oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah ke benua Eropah yang memaksa pihak Pope mengisyiharkan perang atas nama agama. Namun kemenangan tetap dimiliki oleh umat Islam melalui kepimpinan ketenteraan Bayazid khususnya dalam peperangan di Altunah pada tahun 1396.²⁶

2. Serangan tentera Mongol

Antara musibah besar umat Islam dalam sejarah ialah penaklukan tentera Mongol (Tatar) di bawah pimpinan Hulagu Khan terhadap kejatuhan kerajaan ‘Abbasiyyah di Baghdad pada tahun 1258/656H. Mereka kemudiannya menakluki Syam dan mengadakan perjanjian persefahaman dengan pihak Kristian Antakia Latin (di Turki) untuk berhadapan dengan umat Islam.²⁷ Tentera Mongol kemudiannya menghalakan pedang mereka ke arah Mesir, namun mereka menghadapi tantangan yang sebenar daripada umat Islam Mesir di bawah pimpinan Qutuz (-658H/1260) dan Beibars (-676H/1277). Akhirnya peperangan penentuan berlangsung di ‘Ayn Jalut iaitu satu lokasi di antara Bisan dan Nablus (dalam negara Palestin), dengan kemenangan akhirnya dimenangi oleh tentera Islam. Peperangan yang berlangsung pada 15 Ramadan 658H ini dianggap perang terpenting dalam sejarah manusia kerana ia berjaya menghalang kezaliman melampau tentera Tatar terhadap manusia.²⁸ Ancaman serangan ketenteraan Mongol masih berlarutan selepas itu walaupun mereka sudah

²⁵ *Ibid.*, h. 801-802.

²⁶ *Ibid.*, h. 816.

²⁷ Kita Buga seorang penganut fanatik Kristian berbangsa Mongol telah dilantik sebagai pembantu (naib ketua) bagi Hulagu. Dialah yang memimpin tentera Mongol dalam perang dengan Mesir kerana Hulagu Khan terpaksa kembali ke Mongol bagi menyelesaikan masalah dalaman yang melanda kerajaannya pada waktu itu. Kesudahan perang Mongol pimpinan Kita Buga terutamanya di Ain Jalut pada tahun 1260 yang menyaksikan kekalahan pertama tentera Mongol kepada umat Islam. Lihat: *Ibid.*, h. 246.

²⁸ *Ibid.*, h. 248.

memeluk Islam pada awal kurun 14 terutama selepas raja mereka Oljeitu memeluk Islam dengan nama Sultan Muhammad Khudabandah. Serangan Mongol itu masih berterusan akerana ideologi mereka “*Mongolism*” yang mementingkan kebanggaan ketenteraan dan matlamat menguasai dunia.²⁹

3. Isu mazhab fikah

Umat Islam juga mengalami zaman suram dalam perkembangan intelektual pada pertengahan abad 13, terutamanya selepas serangan tentera Mongol ke atas Baghdad. Pada zaman ini, aktiviti ijihad khususnya dalam permasalahan fikah menjadi suram dan tidak aktif seperti zaman sebelumnya. Zaman yang dikenali dengan zaman taklid ini juga memperlihatkan para ulama lebih selesa berada dalam kepompong ijihad mazhab yang sedia ada mengikut mazhab masing-masing daripada melahirkan sesuatu ijihad yang baru.³⁰ Keselesaan dengan bertaklid ini menyebabkan perkembangan intelektual melalui ijihad telah terbantut, dan memberikan kesan yang tidak baik kepada umat Islam dalam budaya hidup mereka.

Di antara faktor yang menyebabkan pemupukan sikap taklid ialah politik yang tidak tenteram di antara kerajaan-kerajaan kecil selain Kerajaan ‘Abbāsiyyah seperti Kerajaan Sasaniyyah di Bukhara, Kerajaan Umawiyyīn di Andalus dan Kerajaan Faṭimiyyīn di utara Afrika. Kembara ilmu para ulama dari satu tempat ke tempat yang lain juga tersekat, menyebabkan penyebaran ilmu dan ijihad mereka terhalang. Pembukuan kitab-kitab mazhab juga menyenangkan umat Islam merujuk apa-apa hukum dalam kitab-kitab tersebut tanpa menyedari kerancakan ijihad mulai perlahan dan suram. Apabila umat Islam sudah selesa dengan mazhab masing-masing, lahirlah sikap taksub dan keengganan menerima mazhab lain. Faktor penguatkuasaan larangan berijihad juga menjadi pendorong taklid. Ada golongan yang muncul pada awal kurun 4H, yang mengaku berkelayakan dalam berijihad sedang umat Islam menyaksikan dakwaan mereka itu tidak benar. Hal ini menyebabkan masyarakat berada dalam dilema dan kacau bilau. Melihat situasi ini, maka pihak berkuasa telah mengeluarkan fatwa menyekat ijihad dan menghalang mana-mana pihak dari mengeluarkan ijihad yang boleh mengeruhkan keadaan umat Islam pada waktu itu. Namun tindakan ini bagi jangka masa panjang, amat

²⁹ Lihat: Mohd Farid Ashraf Aziz, Mohd Saaban Abbas, Kamarul Azmi Jasmi (2012), Kemuncak Dalam Tamadun Islam, dalam: *Prosiding Seminar Tamadun 2012*, Marbawy Hall Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, pada 21 April 2012, h. 328.

³⁰ Fadilah Sarnap (1998), *Perundangan Islam: Sejarah Perkembangan, Sumber dan Mazhabnya*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 295.

merugikan umat Islam kerana ia menghalang perkembangan ilmu yang boleh terhasil melalui perbincangan antara ijtihad-ijtihad.³¹

REALITI MASA KINI: KEPERLUAN MENGENALI IDEOLOGI MODEN

Setiap Muslim bertanggungjawab menjaga kehidupan mereka dari ancaman ideologi dan pemikiran yang menyesatkan. Hati akan rosak jika pemikiran rosak, kerana ia akan mengakibatkan akhlak dan tingkah laku yang salah. Mengetahui dan memahami agen perosak itu akan menjadikan seseorang itu tahu untuk berwaspada dan bertindak mempertahankan diri. Saidina Umar al-Khattab r.h. pernah menyatakan:

إِنَّمَا يُنْقَضُ الْإِسْلَامُ عُرْوَةً مِنْ نَشَأَ فِي الْإِسْلَامِ وَلَمْ يَعْرِفْ الْجَاهِلِيَّةَ

“Yang meleraikan ikatan Islam satu persatu ialah seseorang yang lahir dalam Islam tetapi tidak tahu tentang jahiliyah”.³²

Seorang penyair pernah menyebutkan tentang keperluan beringat-ingat dengan perkara yang merosakkan:

عرفت الشر لا للشر ولكن لتوقيه

ومن لا يعرف الشر جديراً أن يقع فيه

Aku tahu kejahatan tidak untuk kejahatan tetapi untuk mencegahnya, Dan sesiapa yang tidak mengenali kejahatan, biasanya terlibat dengannya.

Melihat perkembangan globalisasi hari ini, dunia sudah tidak mempunyai sempadan lagi. Yang kuat akan mengatasi yang lemah. Hari ini Amerika, Zionis dan Barat adalah penguasa dunia, sedangkan yang lemah ialah negara-negara membangun dan negara-negara dunia ketiga, yang antaranya adalah daripada kalangan umat Islam. Kerana itu perlu difahami bahawa ideologi moden merupakan salah satu ancaman bagi umat Islam seluruh dunia, yang akan terus melemahkan mereka kerana mereka sendiri yang meninggalkan agama.

³¹ *Ibid.*, h. 296.

³² Lihat: Abū al-Hasan al-Nadawī (t.t.), *Madhā Khasira al-‘Ālam bi Inhiṭāt al-Muslimīn*, al-Manṣūrah: Maktabat al-Iman.

SERANGAN IDEOLOGI

Serangan pemikiran dan ideologi moden oleh Barat terhadap umat Islam sebenarnya sudah lama berlangsung. Ia dapat dilihat dalam tiga peringkat seperti berikut:

1. Peringkat Kelahiran

Peristiwa perang salib VII (1297) menyaksikan kekalahan Barat kepada tentera Islam di timur. Barat tahu mereka tidak mampu menewaskan tentera Islam secara ketenteraan. Faktor mereka tewas perang bukan semata-mata kerana kekuatan ketenteraan Islam, tetapi juga kerana kekuatan spiritual dan akidah umat Islam. Justeru itu Barat mula membuat kajian tentang tamadun umat Islam dan bertujuan mencari unsur-unsur kelemahan yang boleh dimanipulasikan untuk kepentingan mereka. Gerakan ini dikenali sebagai orientalisme. Justeru usaha memperkasakan orientalisme ditampung sendiri oleh gereja dan para pemerintah Barat. Tenaga kerja orientalisme juga adalah daripada kalangan paderi dan agamawan Kristian fahaman Katolik dan Protestan.³³

Para sejarawan berselisih pandangan mengenai waktu tepat kelahiran dan kemunculan orientalisme. Antaranya ialah kelahiran orientalisme semasa Resolusi Persefahaman Perhimpunan Gereja di Vienna pada tahun 1312 yang mencadangkan penubuhan jabatan-jabatan bahasa Arab di beberapa universiti di Eropah.³⁴ Ada yang berpendapat kelahirannya ialah pada abad ke-11, dan ada yang berpendapat abad ke-12, malah dikatakan lebih awal iaitu pada abad ke-10 sekitar tahun 940.³⁵ Jika dilihat pada usaha-usaha orientalis, ia sudah diusahakan oleh Barat sejak abad ke-10 lagi. Mereka menterjemahkan buku-buku berbahasa Arab dalam bidang ilmu alam, matematik, bahasa Arab dan kesusasteraan. Antara orang yang aktif menterjemahkan ialah Paus Silvester II (999-1003). Selain itu mereka juga mengkaji dan menguasai bahasa lain seperti Ibrani dan Turki. Andalusia (Sepanyol) menjadi tumpuan pengajian ilmu-ilmu timur oleh para penuntut Barat sehingga berjaya menguasainya dan menterjemahkannya ke bahasa Latin.³⁶ Selain

³³ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1986), *Tafsir al-Azhar*, c. 2, 11 j. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, h. 3211.

³⁴ Maḥmūd Ḥamdī Zaqzuq (1981), *al-Islām fī al-Fikr al-Gharbī*, Kuwayt: Dār al-Qalam, h. 9.

³⁵ Najīb Aqīqī (1981), *al-Muṣṭashriqūn*, c. 4, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, h. 72.

³⁶ A. Hanafi (1981), *Orientalisme: Tinjauan Menurut Kacamata al-Quran dan Hadith*, Jakarta: Penerbit Pustaka al-Husna, h. 9-10. Lihat juga: H. Ismail Jakub (1970), *Orientalisme Dan Orientalisten*, C.V Surabaya: Faizan, h. 11.

itu, ada juga pendapat menyatakan ia lahir semasa pemerintahan Kerajaan Umayyad pada kurun ke-2H di Syam oleh John of Damascus. Walaupun terdapat pelbagai pendapat tentang kelahiran orientalisme namun ia secara hakikatnya digerakkan atas dasar agama dengan matlamat membekalkan maklumat kajian kepada gerakan penjajahan dan kristianisasi.³⁷

Kristianisasi pula menubuhkan sekolah-sekolahnya di Syria pada awal kurun ke-13 dan menekankan pengajian bahasa Arab dan pengajian Islam bagi tujuan yang sama dengan orientalisme. Dalam sejarah kristianisasi, tokoh awalnya ialah Raymond Lull (1232-1316) yang juga merupakan seorang teologis dan penyair. Dia gigih mempropagandakan kristianisasi dan pemurtadan umat Islam di Andalusia dan Afrika Utara semasa Kerajaan Islam Andalusia masih lagi wujud, terutama selepas kekalahan tentera salib di tangan umat Islam.³⁸ Tiga asas dakwah yang ditekankan oleh Raymond Lull kepada para misioneri ialah keperluan memahami bahasa Arab secara komprehensif, mempelajari bahan-bahan rujukan ilmu Islam bagi tujuan berhujah, dan bersedia untuk berkorban.³⁹

Gerakan kristianisasi yang tersusun bermula dengan siri penjajahan ke atas negara-negara umat Islam oleh Sepanyol dan Portugis melalui Perjanjian Tordesillas pada 7 Jun 1494. Ia ditaja oleh ketua agama Kristian waktu itu Pope Alexander VI yang membahagikan batas penjajahan kepada Sepanyol dan Portugis dengan slogan; *gold, glory and gospel* (kekayaan, kemegahan dan penyebaran ajaran bible). Matlamat kristianisasi tidak semestinya memaksa umat Islam menganuti agama Kristian, tetapi memadai jika umat Islam berjaya dijauhkan daripada ajaran agama Islam yang sebenar.⁴⁰ Di peringkat ini penyebaran ideologi moden belum ketara kerana hasil kajian orientalisme dan kristianisasi masih muda.

2. Peringkat Kematangan

³⁷ Manī‘ b. Ḥammād al-Juhanī (1418H), *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Aḥzāb al-Mu‘āṣirah*, c. 3, j. 2, al-Riyāḍ: Dār al-Nadwah al-‘Ālamiyyah, h. 697.

³⁸ *Ibid.*, h. 675.

³⁹ A. Karim Omar (2013), Kristianisasi dan Dakyah Halus yang Menyerap Ummat: Suatu Fakta, dalam *Wacana Pemantapan Akidah: Mendepani Isu Kristianisasi, Syiah dan Liberalisme Peringkat Negeri Selangor*, anjuran YADIM, MAIWP, MAIS dan KUIS, pada 19 Disember 2013, h. 4.

⁴⁰ Manī‘ b. Ḥammād al-Juhanī (1418H), *op. cit.*, h. 679.

Era ini ialah sebelum kurun ke-20, aktiviti penjajahan Barat amat pesat melanda dunia umat Islam. Gerakan orientalisme dan kristianisasi sudah membekalkan penjajahan dengan kelengkapan maklumat tentang dunia umat Islam yang sangat mencukupi. Perancis, Itali, Inggeris dan seumpamanya di antara kolonialis baru menggantikan Portugis dan Sepanyol yang pernah menjadi kolonialis pada abad yang lalu. Serentak dengan dasar kolonialisme ini, antara perubahan utama yang dilakukan ke atas negara-negara umat Islam ialah pemansuhan perundangan Islam dan digantikan dengan undang-undang sivil yang dibawa oleh penjajah.⁴¹

Barat juga mula mengajarkan umat Islam tentang corak berfikir cara humanisme, sekularisme, nasionalisme dan lain-lain lagi. Penyebaran idealisme-idealisme ini dibawa dalam perancangan dan kerangka penjajahan Barat dan gerakan kristianisasi yang bijak mengambil kesempatan terhadap masyarakat Islam yang bermasalah. Peranan orientalisme juga tidak ketinggalan dalam hal ini. Antara usaha mereka, pembinaan sekolah-sekolah untuk pendidikan anak-anak muda umat Islam. Mereka diajar tentang budaya dan cara fikir Barat, agar mereka pula menyebarkannya kepada masyarakat awam. Orientalisme juga giat menerbitkan ensiklopedia, buku-buku, jurnal-jurnal dan majalah-majalah yang menzahirkan kredibiliti pemikiran mereka berdasarkan logikal. Antaranya *Ensiklopedia of Islam* yang diterjemahkan ke bahasa Perancis, Turki dan Arab. Begitu juga *Jurnal Asiatique*, *The Muslim World*, *Islamica*, *Bijdragen* dan lain-lain lagi.⁴²

3. Peringkat Penjarahan (Perampasan)

Abad ke-20 sehingga abad 21 pula menyaksikan kemunculan gelombang dunia baru yang dicetuskan oleh Amerika Syarikat atas nama *globalization*. Globalisasi (dalam bahasa Arab disebut *al-'awlamah*) memperkenalkan konsep dunia tanpa sempadan yang secara tidak langsung akan membawa bersamanya ideologi Barat kepada umat Islam dalam aspek politik, ekonomi, budaya dan agama. Kerana itu Dr. Yusuf al-Qaradawi menjenamakan proses globalisasi sebagai satu penjajahan baru dan moden yang merupakan kesinambungan penjajahan-penjajahan Barat yang lalu.⁴³ Justeru amat nyata sekali bahawa komponen ideologi moden adalah sebenarnya suatu serangan pemikiran yang menjajah umat Islam agar beriman dengannya dan menjarah akidah dan kepercayaan serta

⁴¹ Lihat: *Ibid.*, h. 691-692.

⁴² A. Muin Umar (1978), *Orientalisme Dan Studi Tentang Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 41-45.

⁴³ Yūsuf al-Qaraḍawī (2000), *al-Muṣlimūn wa al-'Awlamah*, t.tp. : Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah, h. 16.

pemikiran Islam yang sebenar. Penjajahan ialah perbuatan menakluk dan memerintah sesuatu tempat. Manakala penjarahan pula ialah perbuatan merampas milik orang lain.⁴⁴

Pada abad ke-18 dan 19 menyaksikan Barat aktif dengan penjajahan, maka pada abad ke-20 dan 21 menyaksikan mereka (termasuk Amerika dan Zionis) aktif dengan penjarahan. Penjajahan politik pada abad ke-18 dan 19 berlaku apabila negeri-negeri umat Islam meminta bantuan Barat menyelesaikan masalah perang saudara, lanun, perluasan pengaruh dan seumpamanya. Penguasaan politik ini kemudiannya memberi ruang kepada mereka untuk menguasai ekonomi umat Islam, menyebarkan budaya Barat dan agama mereka kepada umat Islam tanpa perlu memberikan tekanan yang kuat.

Abad ke-20 dan 21 ini menyaksikan umat Islam menghadapi tekanan dan ancaman penjarahan daripada Amerika Syarikat, Zionis dan Barat. Kebebasan umat Islam untuk berpolitik secara adil dalam negara sendiri dirampas seperti di Algeria, Mesir dan Turki. Tekanan politik mesti dicetuskan sama ada atas nama keamanan seperti di Iraq dan Somalia, atau atas nama memerangi keganasan seperti di Afghanistan dan Syria. Politik yang menjaga kepentingan Kristian dan Yahudi mesti dijaga seperti di Timor Leste dan Palestin, manakala politik yang memihak kepada Islam pula diabaikan seperti di Bosnia, Chechen, Kashmir dan Rohingya. Amerika dan Barat terkenal sebagai pejuang liberal demokrasi yang menaungi negeri yang dizalimi, tapi hanya untuk sesama bukan Islam sahaja. Walaupun bagi negara umat Islam, mereka adalah penjarah yang merampas keadilan politik umat Islam dalam negara dan tanah air sendiri.⁴⁵

Ekonomi umat Islam dan sumbernya seperti minyak, timah, emas dan seumpamanya dirampas dengan cara diplomasi dan juga kekerasan. Pelbagai akta ekonomi dunia diperkenalkan kepada negara-negara umat Islam dengan momokan perjanjian perniagaan serantau, perdagangan bebas, sistem perbankan dan pinjaman yang adil, namun keuntungannya banyak mengalir ke kantung para penjarah. Aspek budaya juga menjadi agenda Barat dan Amerika untuk menjarah (telah dijelaskan maksudnya di atas) umat Islam. Aspek budaya berdasarkan akhlak Islam dirampas dan dijarah oleh Amerika dan Barat dan menggantikannya dengan budaya kepenggunaan ala Barat, budaya bebas, budaya seks, budaya songsang,

⁴⁴ Noresah Baharom Ed. (2000), *op. cit.*, h. 509 & 519.

⁴⁵ Yūsuf al-Qaraḍawī (2000), *op. cit.*, h. 25.

budaya *taṭbi‘* (menjadikan kebiasaan) dan lain-lain lagi. Demikian juga budaya agama umat Islam turut dirampas dan ditukarkan kepada agama Kristian dan Yahudi. Gerakan kristianisasi yang tersebar di seluruh dunia hari ini mengiyakan kesungguhan dan tekad kristianisasi mahu mengkristiankan umat Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Zionis dan Barat.⁴⁶

KAEDAH SERANGAN

Serangan ideologi moden melibatkan kaedah yang sangat sistematik dan teratur yang seringkali tidak disedari oleh umat Islam, iaitu:⁴⁷

1. *Tashkīk* (تشکیک)

Mencipta dan menimbulkan keraguan dalam akidah dan pemikiran umat Islam terhadap Islam. Gerakan inilah yang dihasilkan oleh orientalisme melalui kajian-kajian mereka tentang Islam dan tamadunnya. Contohnya memperlekehkan al-Quran dan al-Sunnah, menimbulkan keraguan tentang sifat Nabi S.A.W dan ketulusannya, mempertikaikan kedudukan hadis-hadis yang ada pada hari ini sebagai sumber yang dipercayai, dan lain-lain lagi.

2. *Tashwīh* (تشویح)

Memburukkan Islam pada perspektif umat Islam sendiri. Ia bertujuan mengikis rasa bangga umat Islam terhadap Islam, dan merasai malu dengan Islam ketika berkomunikasi dengan orang bukan Islam dan sesama umat Islam sendiri. Isu yang ditimbulkan antaranya Islam mengajarkan ke ganas, menyekat kebebasan dan menganiayai wanita, menghalang pemodenan kehidupan, dan lain-lain lagi.

3. *Tadhwīb* (تدویب)

Salah satu usaha menerapkan budaya dan pemikiran. Musuh-musuh Islam melakukan doktrin budaya dan pemikiran di antara ajaran Islam dengan ajaran bukan Islam contohnya melalui pluralisme, sehingga umat Islam berada dalam kebingungan dan tidak tahu menentukan yang mana hak dan yang mana batil

4. *Taghrīb* (تغريب)

⁴⁶ Lihat: *Ibid.*

⁴⁷ Abu Ridha (1993), *Pengantar Memahami al-Ghazwul-Fikri*, Jakarta: al-Ishlahy Press, h. 4.

Proses membaratkan umat Islam dengan pemikiran dan budaya Barat seperti sekularisme, humanisme, liberalisme, nasionalisme, pluralisme dan seumpamanya. Proses ini melibatkan semua aspek kehidupan umat Islam termasuklah aspek pemikiran, politik, ekonomi, sosiobudaya, dan pendidikan.

BUDAYA *AL-TATBĪ'*

Budaya *al-Tatbī'* menurut Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī ialah menjadikan sesuatu yang tidak sepatutnya sebagai sesuatu yang biasa (tabiat) dan diterima semua. Amerika contohnya boleh memerangi mana-mana negara atas alasan keselamatan dunia dan melabelkan penentangnya yang mempertahankan negara mereka sendiri sebagai pengganas. Amerika mahu tindakan ini diterima oleh masyarakat dunia sebagai suatu kebiasaan dan betul, walaupun hakikatnya adalah salah.⁴⁸ Dan ternyata masyarakat dunia seolah-olah menerima sikap Amerika ini walaupun mengetahui kezalimannya. Mereka berurusani seperti biasa dengan Amerika dalam ekonomi dan hubungan kenegaraan tanpa memikirkan cara untuk menunjukkan protes terhadap tindakan yang salah itu.

Dalam skop kehidupan umat Islam, ideologi moden juga cuba diterapkan menjadi sesuatu yang biasa dan normal. Urusan politik yang tidak mengambil kira ajaran agama, kepercayaan bahawa semua agama sama, pemakaian yang tidak menutup aurat, urusan ekonomi berasaskan riba dan semua aspek kehidupan muslim yang bercanggah dengan ajaran sebenar Islam dianggap normal. Nabi S.A.W sangat menegah anggapan biasa dan normal terhadap maksiat agama kerana mendapat laksat Allah S.W.T, sebagaimana hadis berikut:⁴⁹

إِنَّ أَوَّلَ مَا دَخَلَ النَّفْصُ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَ الرَّجُلُ يُلْقَى الرَّجُلَ
فَيَقُولُ يَا هَذَا أَتَقْبَلُ اللَّهَ وَدَعْ مَا تَصْنَعُ فِيَّهُ لَا يَحِلُّ لَكَ ثُمَّ يَقُولَهُ مِنَ الْغَدِ
فَلَا يَمْنَعُهُ ذَلِكَ أَنْ يَكُونَ أَكِيلَةً وَشَرِيعَةً وَقَعِيدَةً فَلَمَّا قَعَلُوا ذَلِكَ ضَرَبَ
اللَّهُ قُلُوبَ بَعْضِهِمْ بِبَعْضٍ ثُمَّ قَالَ (لِعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ)
عَلَى لِسَانِ دَاؤَدْ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْنَدُونَ كَانُوا

⁴⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2000), *op. cit.*, h. 48.

⁴⁹ Ahmad b. al-Husayn b. ‘Alīy al-Bayhaqī (1355H), *al-Sunan al-Kubrā: Kitāb Adab al-Qādī*, j. 10, al-Hind: Majlis Dā’irat al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, h. 93.

لَا يَتَّهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لِيُئْسِنَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ) ثُمَّ قَالَ كَلَّا وَاللهِ
لَتَأْمُرُنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلَتَنْهَانَّ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَتَخْذُنَّ عَلَى يَدِ الظَّالِمِ
وَلَتَأْطُرُنَّ عَلَى الْحُقْقِ أَطْرًا وَلَتَقْصُرُنَّ عَلَى الْحُقْقِ قَصْرًا.

Sesungguhnya perkara pertama yang mencacatkan Bani Isra'il apabila seorang lelaki (*salih*) menemui lelaki lain (*pelaku maksiat*) maka dia berpesan: "Wahai fulan bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan perlakuanmu (*maksiat*) kerana ia tidak halal bagimu". Kemudian lelaki salih bertemu lagi dengan pelaku maksiat tetapi dia tidak lagi mencegah perlakuan maksiat itu, bahkan dia sudah menjadi teman untuk makan, minum dan bersantai. Apabila demikian tindakan mereka maka Allah mencampur aduk hati-hati mereka antara satu sama lain". Kemudian Nabi S.A.W membacakan ayat: (*Dilaknat orang-orang kafir daripada Bani Isra'il melalui lidah Dawud dan Isa b. Maryam kerana mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan sesama sendiri dari kemungkaran yang mereka lakukan, amatlah buruk apa yang mereka perbuatkan*). Kemudian sabda Nabi S.A.W: "Bahkan demi Allah hendaklah kamu menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran, bertindak terhadap orang yang zalim, melazimkannya dengan kebenaran, dan memfokuskannya dengan kebenaran".

SIKAP UMAT ISLAM ABAD KE-20

Umat Islam terbahagi kepada tiga golongan⁵⁰ dalam mendepani serangan pemikiran ini. Golongan pertama ialah golongan yang menerima ideologi moden ini dengan penuh semangat atas nama kemodenan. Peradaban Barat menjadi kiblat mereka dan beranggapan bahawa hanya dengan pemodenan Barat sahaja umat Islam akan maju dan berjaya. Tepatlah pesanan dan peringatan Rasulullah S.A.W mengenai golongan ini:

⁵⁰ Lihat: Yūsuf al-Qaraḍāwī (2000), *op. cit.*, h. 131.

لَتَتَّبِعُنَّ سَنَنَ مَنْ قَبْلَكُمْ شَبِيرًا يَشِيرُ وَذِرَاعًا يَذِرَاعَ حَتَّىٰ لَوْ سَلَكُوا جُحْرَ
ضَيْرَ لَسْلَكُتُمُوهُ فُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ قَالَ فَمَنْ

Kamu akan mengikuti cara hidup orang-orang yang sebelum kamu sejengkal dengan sejengkal dan sehasta dengan sehasta hingga kalau mereka masuk lubang biawak nescaya kamu turut memasukinya. Kami (Sahabah r.h.) bertanya: Wahai Rasulallah adakah mereka itu Yahudi dan Kristian? Sabda S.A.W: Siapakah lagi?⁵¹

Golongan kedua ialah dikalangan umat Islam yang melihat bahawa pemencilan dan pengasingan diri dari terkena tempias serangan ideologi ini sebagai jalan selamat. Justeru itu mereka menjauhkan diri dari dunia yang sedang mereka hadapi, mengasingkan diri dari dunia pemikiran, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Sedang Islam mahukan dunia ini dimakmurkan oleh khalifah yang dilantik oleh Allah S.W.T dengan kemakmuran agama Islam.

Manakala, golongan ketiga ialah golongan yang bersikap pertengahan dan sederhana dan golongan inilah yang bertepatan dengan gelaran al-Quran terhadap umat Islam dengan *umatan wasaṭan* (umat pertengahan).

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ

الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ...

(Al-Baqarah 2: 143)

Dan demikianlah Kami jadikan kamu sebagai umat pertengahan (adil) agar kamu menjadi saksi bagi manusia lain, dan Rasulullah menjadi saksi bagi kamu.

Justeru golongan ketiga inilah golongan ideal yang menujukan sikap umat Islam sebenar yang perlu ada pada hari ini. Kita tidak boleh

⁵¹ Muhammad b. Ismā‘īl al-Bukhārī (1998), *Šaḥīḥ al-Bukhārī: Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā'*, susunan: Abū Suhayb al-Karamyu, no. hadis: 3456, Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, h. 665. Lihat juga: Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (1998), *Šaḥīḥ Muslim: Kitāb al-‘Ilm*, pnys. Abū Suhayb al-Karamyu, no.h. 2669, Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, h. 1071.

lari dan mengasingkan diri dari cabaran globalisasi dan ideologinya, kerana Barat yang memegang kuasa dan menentukan pengaruhnya terhadap dunia manusia hari ini. Begitu juga kita tidak boleh menerima globalisasi secara sembarang kerana ia mengajak manusia hidup dengan cara bukan Islam dan tidak diredayai Allah S.W.T. Maka sikap golongan ketiga ini mengajar kita agar menerima globalisasi yang baik dan selari dengan syarak, dan dalam masa yang sama menyisihkan yang buruk dan maksiat. Untuk itu perlulah umat Islam meningkatkan ilmu dan pengetahuan, kerja dan usaha, sistem dan hasil pertanian dan galian, perkilangan dan perindustrian, pengurusan dan seumpamanya. Usaha yang lebih penting lagi ialah meningkatkan nilai insan setiap umat Islam kerana ia salah satu jalan meningkatkan perkara-perkara yang lain.⁵²

Hakikatnya sikap permusuhan dan serangan Barat terhadap umat Islam tidak akan terhenti begitu sahaja. Ia akan berlangsung sepanjang zaman dalam pelbagai peringkat. Penyelesaiannya hanya berada di tangan umat Islam sendiri, iaitu sejauh mana timbulnya kesedaran untuk kembali berpegang pada al-Quran. Firman Allah S.W.T:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَسْمَعُوا هَذَا الْقُرْءَانُ وَالْغَوْنَ فِيهِ لَعْنَكُمْ

تَغْلِبُونَ

(Fuṣṣilat 41: 26)

Dan berkata orang-orang kafir: “Janganlah kamu mendengar al-Quran ini dan tentanglah ia (dengan nyanyian dan jeritan riuh rendah) supaya kamu berjaya”.

Jelas sekali bahawa kejayaan serangan ideologi moden adalah kerana kelemahan pegangan umat Islam untuk merujuk dan berpegang teguh pada al-Quran.⁵³

USAHA RENAISSANCE ISLAM

Persoalan yang timbul ialah apakah umat Islam hari ini berada dalam *Dark Age*? Dan adakah umat Islam hari ini memerlukan *renaissance* untuk

⁵² Yūsuf al-Qaraḍāwī (2000), *op. cit.*, h. 133.

⁵³ Muḥammad Ra’fat Sa‘īd (1987), *al-Islām fī Muwājahat al-Taḥaddiyāt*, Maṇṣūrah: Dār al-Wafā’, h. 50.

mengembalikan kegembilangan tamadun Islam yang kembali menguasai dunia seperti dahulu?

Hakikatnya ialah umat Islam tidak berada dalam *dark age* yang tidak mempunyai arah dan cita-cita hidup, kerana al-Quran yang menjadi panduan mereka tentang semua itu. Persoalan *renaissance* dengan erti kebangkitan semula pula, sememangnya sudah menjadi seruan al-Quran sejak penurunannya lagi. Kebangkitan ini bukan berpandukan sejarah Barat dan *renaissancenya*, tetapi kerana al-Quran sendiri telah menggesa umatnya melakukan *renaissance* sejak ia diturunkan pada awal abad ke-7M lagi. *Renaissance* itulah yang mengubah bangsa Arab yang lemah pada zaman itu, menjadi pemimpin bangsa manusia ke arah ketamadunan sejagat dengan berbekalkan al-Quran. Bekalan al-Quran yang sama juga ada di tangan umat Islam pada hari ini, namun mungkin disebabkan pegangan al-Quran yang longgar dan goyah serta cabaran yang perlu dihadapi oleh umat Islam untuk sampai ke tahap yang sama dengan tahap umat Islam unggul terdahulu.

Hari ini sebilangan umat Islam masih berusaha untuk kembali ke tahap itu. Antaranya gerakan *al-Ikhwān al-Muslīmūn* di Mesir yang mengajak umat Islam di seluruh dunia kembali beramal dengan ajaran Islam yang sebenar dalam semua aspek kehidupan. Ikatan umat Islam yang terlerai selepas kejatuhan Khilafah Islamiyyah Uthmaniyyah perlu diikat kembali. Ini yang ditekankan oleh *al-Ikhwān al-Muslīmūn* yang dipimpin oleh al-Syahid Hasan al-Banna.

Umat Islam di Turki dipengaruhi oleh kepimpinan Sa‘id Nursi, yang terkenal dengan risalahnya iaitu *Risālat al-Nūr*. Sa‘id Nursi tegas dan lantang menolak dan mengkritik penjajahan Barat, nasionalisme dan sekularisme di Turki dan anasir-anasir yang mencabar ketuanan Islam di Turki. Tahanan penjara dan tahanan daerah tidak pernah melemahkan semangatnya untuk memastikan obor kebangkitan Islam terus menyala dalam kalangan umat Islam Turki. Perkara ini turut dilakukan oleh Muḥammad Iqbal di India, Abū al-A‘lā al-Mawdūdī, Sayyid Muḥammad b. ‘Alī al-Sanūsī dan ramai lagi.⁵⁴ Lahirnya tokoh-tokoh ini kerana dalam al-Quran sendiri mengandungi obor *renaissance* (pencerahan) dan jihad yang akan diteruskan oleh umat Islam sepanjang zaman dan tempat sebagaimana yang dapat disaksikan hari ini. Sabda Nabi S.A.W:

⁵⁴ Fadhlullah Jamil (2010), *Islam dan Idealisme Zaman Moden; Krisis dan Ancaman*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 55.

لَا تَرَأْلُ طَائِفَةً مِنْ أُمَّتِي طَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفُهُمْ

Sentiasa segolongan umatku berada di atas kebenaran yang tidak memudarangkan mereka oleh orang-orang yang menyalahi mereka.⁵⁵

RUMUSAN

Ideologi moden terdiri dari beberapa fahaman dan pemikiran yang tercetus di Barat terutama semasa zaman *renaissance*. Ideologi-ideologi ini dilihat sebagai antara penyelamat Eropah dan Barat dari kawalan gereja dan golongan feudal, yang menyebabkan mereka tersesat dalam zaman kegelapan sekian lama. Antara ideologi tersebut ialah humanisme, sekularisme, liberalisme, materialisme, nasionalisme dan lain-lain lagi. Ideologi-ideologi ini kemudiannya disebarluaskan kepada umat Islam seluruh dunia hasil usaha orientalisme, kristianisasi melalui peranan penjajahan.

Ideologi-ideologi tersebut datang kepada umat Islam dalam bentuk serangan pemikiran. Umat Islam sebenarnya tidak memerlukan petua Barat untuk moden, kerana pada ketika umat Eropah masih sesat dalam zaman gelap, umat Islam sudah lama berada dalam cahaya kemodenan spiritual dan fizikal. Permasalahan yang ada dalam dunia Eropah tidak sama dengan masalah yang dialami oleh umat Islam. Justeru itu tidak wajar penyelesaian masalah cara Barat ingin dipraktikkan dalam kalangan umat Islam dengan penyelesaian yang sama. Secara realitinya ia sebenarnya menjadi musibah besar yang melanda umat Islam disebabkan ideologi tersebut, yang hakikatnya menjauhkan umat Islam daripada agama mereka sendiri. Oleh itu dapatlah dinyatakan bahawa kedatangan ideologi moden tersebut adalah secara serangan dan paksaan dalam keadaan umat Islam sudah disuntik dengan racun kekacauan pemikiran secara halus dan berstrategi dalam tempoh masa yang panjang.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

⁵⁵ Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (1998), *op. cit.*, *Kitāb al-Imārah*, no.h. 1920, h. 795. Lihat juga: Muḥammad b. Ismā‘īl al-Bukhārī (1998), *op. cit.*, *Kitāb Fard al-Khumus*, no.h. 3116, h. 596.

- A. Hanafi (1981), *Orientalisme: Tinjauan Menurut Kacamata al-Quran dan Hadith*, Jakarta: Penerbit Pustaka al-Husna.
- A. Karim Omar (2013), Kristianisasi Dan Dakyah Halus Yang Menyerap Ummat: Suatu Fakta, dalam *Wacana Pemantapan Akidah: Mendepani Isu Kristianisasi, Syiah dan Liberalisme Peringkat Negeri Selangor*, anjuran YADIM, MAIWP, MAIS dan KUIS, pada 19 Disember 2013.
- A. Muin Umar (1978), *Orientalisme Dan Studi Tentang Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan B.tang.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1986), *Tafsir al-Azhar*, c. 2, j. 11, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Abu Ridha (1993), *Pengantar Memahami al-Ghazwul-Fikri*, Jakarta: al-Ishlahy Press.
- Aḥmad Shalabī (1999), *Mawsū‘at al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Haḍārah al-Islāmiyyah*, c. 9, j. 11, al-Qāhirah: Maktabat al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Al-Bayhaqī, Aḥmad b. al-Husayn b. ‘Alī (1355H), *al-Sunan al-Kubrā: Kitāb Adab al-Qādī*, j. 10, al-Hind: Majlis Dā’irat al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad b. Ismā‘īl (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, tas. Abū Suhayb al-Karamyu, Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Al-Juhanī, Maṇī‘ b. Ḥammād (1418H), *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Ahzāb al-Mu‘āşirah*, c. 3, j. 2, al-Riyāḍ: Dār al-Nadwah al-‘Alamiyyah.
- Al-Nadawī, Abū al-Ḥasan (t.t.), *Madhā Khasira al-Ālam bi Inhiṭāt al-Muslimīn*, al-Manṣūrah: Maktabat al-Īmān.
- Al-Nawawī, Yaḥyā b. Sharaf (t.t.), *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*, al-Qāhirah: al-Maktabah al-Qayyimah.
- Al-Naysābūrī, Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Tas. Abū Suhayb al-Karamyu, Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.

Al-Qaraḍawī, Yūsuf (2000), *al-Muslimūn wa al-‘Awlamah*, t.tp.: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nashr al-Islāmiyyah.

Fadhlullah Jamil (2010), *Islam Dan Idealisme Zaman Moden; Krisis Dan Ancaman*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Fadilah Sarnap (1998), *Perundangan Islam: Sejarah Perkembangan, Sumber Dan Mazhabnya*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

H. Ismail Jakub (1970), *Orientalisme dan Orientalisten*, C.V Surabaya: Faizan.

Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, trj. Bakhruddin Fannani, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd.

Ibn Kathīr, Ismā‘īl al-Qurashī (1994), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm*, Tas. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt, 4 j. Dimashq: Maktabat Dār al-Fihā‘.

Maḥmūd Ḥamdī Zaqzuq (1981), *al-Islām fī al-Fikr al-Gharbī*, Kuwayt: Dār al-Qalam.

Mohd Farid Ashraf Aziz, Mohd Saaban Abbas, Kamarul Azmi Jasmi (2012), Kemuncak Dalam Tamadun Islam, dalam: *Prosiding Seminar Tamadun 2012*, Marbawy Hall Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, pada 21 April 2012.

Mohd Roslan Mohd Nor dan Nor Shakila Mohd Noor (2012), Perang Salib Dan Kejayaan Salahuddin al-Ayubi Mengembalikan Islamicjerusalem Kepada Umat Islam, dalam: *Jurnal Al-Tamaddun*, bl. 7 (1), Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Universiti Malaya.

Muhammad Ra’fat Sa‘īd (1987), *al-Islām fī Muwājahat al-Tahaddiyyāt*, Manṣūrah: Dār al-Wafā‘.

Najīb Aqīqī (1981), *al-Mustashriqūn*, c. 4, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif.

Noresah Baharom Ed. (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shawqī Abū Khalīl (1994), *al-Hadārah al-‘Arabiyyah al-Islamiyyah; wa Mujīz ‘an al-Hadarāt al-Sābiqah*, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir.

Serangan Ideologi Moden: Realiti Umat Islam Masa Kini

Sulaiman Noordin Ed. (1998), *Islam, Al-Quran Dan Ideologi Masa Kini*, c. 8, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

(2001), *Sains Menurut Perspektif Islam*, c. 13, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.